

# Analisis Konsep dan Pendefinisian Asnaf *al-Ghārimīn* dalam Konteks Agihan Zakat di Malaysia

**BITARA**

Volume 8, Issue 4, 2025: 156-171  
 © The Author(s) 2025  
 e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
 Received: 2 August 2025  
 Accepted: 24 August 2025  
 Published: 28 September 2025

## [An Analysis of The Concept and Definition of Asnaf al-Gharimin in The Context of Zakat Distribution in Malaysia]

Aisyah Abd Rahim<sup>1</sup>, Siti Norfatirah Abdul Rahman<sup>1</sup>, Balqis Najihah Mohd Fadzil<sup>1</sup>, Muhammad Mu'izz Abdullah<sup>1\*</sup> & Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani<sup>1</sup>

1 Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.  
 P148329@siswa.ukm.edu.my, P148331@siswa.ukm.edu.my, P147180@siswa.ukm.edu.my, muizz@ukm.edu.my,  
 nikrahim@ukm.edu.my

\*Corresponding Author: muizz@ukm.edu.my

### Abstrak

Al-Qur'an menetapkan lapan golongan yang berhak menerima zakat termasuk golongan *al-ghārimīn*, iaitu individu yang dibebani hutang. Peningkatan kes hutang dalam kalangan masyarakat, khususnya melibatkan hutang peribadi, pendidikan dan pinjaman tidak berlesen, berpunca daripada tekanan kos sara hidup yang semakin tinggi serta keperluan mendesak untuk memenuhi keperluan asas harian. Namun begitu, kekeliruan masih wujud dalam mendefinisikan asnaf *al-ghārimīn* ini terutamanya berkaitan jenis hutang yang melayakkan seseorang menerima bantuan zakat disebabkan ketiadaan garis panduan yang seragam dalam institusi zakat. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis konsep dan definisi asnaf *al-ghārimīn* menurut pandangan fuqaha klasik dan kontemporari serta menganalisis situasi kewangan yang melayakkan seseorang tergolong sebagai asnaf *al-ghārimīn*. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kepustakaan dengan meneliti pandangan fuqaha dan analisis kandungan berkaitan agihan zakat. Hasil kajian memberikan penjelasan yang lebih komprehensif mengenai konsep asnaf *al-ghārimīn* serta mengenal pasti kategori hutang dan beban kewangan yang sesuai dimasukkan dalam definisi ini. Kajian ini diharap dapat menyumbang ke arah pemantapan pelaksanaan agihan zakat berdasarkan prinsip fiqh muamalat secara lebih berkesan dan menyeluruh.

**Kata kunci:** Zakat, hutang, asnaf, *al-ghārimīn*.

### Abstract

The Qur'an identifies eight categories of recipients entitled to zakat, including *al-ghārimīn*—individuals burdened with debt. The rising prevalence of debt in society, especially involving personal, educational, and unlicensed loans, results from increasing living costs and the urgent need to cover basic daily expenses. However, there remains confusion in defining this asnaf *al-ghārimīn* category, particularly regarding which types of debt qualify individuals for zakat aid, due to the lack of standardized guidelines among zakat institutions. This study aims to analyze the concept and definition of asnaf *al-Ghārimīn* from both classical and contemporary Islamic juristic views, and to examine the financial situations that qualify individuals for this category. Using a qualitative approach, the research is based on library analysis of jurists' opinions and related content on zakat distribution. The results provide a clearer understanding of the *al-ghārimīn* category and identify

types of debt and financial burdens that may be appropriately included. It is hoped that this study will improve zakat distribution practices, making them more effective and aligned with the principles of fiqh *mu'āmalāt al-ghārimīn*.

**Keywords:** Zakat, debt, asnaf, *al-ghārimīn*.



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

**Cite This Article:**

Aisyah Abd Rahim, Siti Norfatirah Abdul Rahman, Balqis Najihah Mohd Fadzil, Muhammad Mu'izz Abdullah & Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani. (2025). Analisis Konsep dan Pendefinisian Asnaf al-Gharimin dalam Konteks Agihan Zakat di Malaysia [An Analysis of The Concept and Definition of Asnaf al-Gharimin in The Context of Zakat Distribution in Malaysia]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(4): 156-171.

## Pengenalan

Zakat merupakan salah satu daripada lima rukun Islam dan ia wajib dibayar oleh semua Muslim yang memenuhi syarat. Menurut Mohamad Uda Kasim (2004) maksud zakat dari segi istilah terkandung dalam Surah at-Taubah ayat 103:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُرَكِّبُهُمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَوةَكَ سَكُنٌ لَّهُمْ وَإِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلَيْهِمْ

Maksudnya: Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengan itu engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan mensucikan mereka (daripada akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui (At-Taubah, 103)

Berdasarkan kepada ayat tersebut, zakat akan menyucikan orang yang mengeluarkan harta dan mereka akan memperoleh ganjaran. Maka, dari segi istilah, zakat bermaksud sejumlah harta tertentu yang diwajibkan oleh Allah SWT untuk diberikan kepada golongan yang berhak. Harta yang dikeluarkan zakat akan bertambah nilainya serta dapat melindungi harta tersebut daripada kemasuhan.

Jiwa orang yang menunaikan zakat akan menjadi suci, harta mereka juga akan menjadi bersih dan bertambah. Cara untuk menyucikan harta secara teorinya ialah dengan zakat yang dibayar oleh golongan kaya dan diagihkan kepada golongan miskin, di mana proses agihan zakat ini diharapkan mencapai tahap optimum. Oleh itu, proses mengoptimumkan ini akan memberikan kesan besar kepada zakat secara khusus dan kepada ekonomi sesebuah negara secara amnya. Ini kerana kesan daripada pengagihan zakat bukan sahaja akan memberikan manfaat kepada penerima zakat tetapi juga akan menyumbang kepada perkembangan zakat negara. Akhirnya, golongan asnaf menjadi sebahagian daripada ekonomi yang produktif dan turut menyumbang kepada ekonomi negara (Hairunnizam Wahid et al., 2009).

Zakat amat penting dalam ekonomi umat Islam, terutamanya dalam usaha membasi kemiskinan. Ini kerana kemiskinan merupakan salah satu daripada tiga rantaian kemasuhan iaitu kejahilan, kemiskinan dan penyakit. Zakat merupakan salah satu sumber kewangan untuk pembasmi kemiskinan dengan memperuntukkan sebahagian besar dana yang dikumpulkan kepada golongan yang memerlukan. Subsidi diberikan dalam kadar yang rendah bergantung kepada keadaan ekonomi, masa, tempat, dan perbelanjaan untuk memenuhi keperluan makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan, dan kesihatan mereka (Abdul Muzil Abd Rahim et al., 2024).

Namun begitu, bantuan dan modal yang disalurkan bukan bertujuan untuk menggalakkan kemalasan atau pengangguran sehingga menjadikan keselamatan dan kestabilan negara. Sebaliknya ia berperanan untuk meringankan beban hidup dan menjadi sumber serta dorongan motivasi kepada golongan miskin untuk berusaha keluar daripada belenggu kemiskinan. Di samping itu, zakat juga berperanan penting dalam merapatkan jurang sosial dalam masyarakat serta mengagihkan semula pendapatan secara adil mengikut hak-hak yang telah ditetapkan (Muaz Omar et al., 2016). Bagi memastikan matlamat ini tercapai, institusi seperti Jabatan Wakaf, Zakat, dan Haji (JAWHAR) berperanan dalam menyelaraskan dasar dan hala tuju pengurusan zakat di peringkat persekutuan. Penyelarasannya ini penting agar bantuan zakat yang disalurkan benar-benar menepati keperluan asnaf.

Walau bagaimanapun, pengaplikasian konsep ini dalam konteks kontemporari menimbulkan pelbagai kekeliruan, khususnya dalam menentukan jenis hutang dan situasi kewangan yang melayakkkan seseorang dikategorikan sebagai asnaf. Ini kerana tafsiran ulama terhadap definisi *al-ghārimīn* berbeza-beza dan dalam masa yang sama, realiti semasa mewujudkan pelbagai jenis hutang moden seperti hutang pendidikan, pinjaman peribadi dan sebagainya. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis semula tafsiran dan konsep asnaf *al-ghārimīn* serta situasi kewangan yang bersesuaian dengan keperluan masyarakat kini.

## Konsep dan Definisi Asnaf *al-Ghārimīn*

### Pengertian *Al-Ghārimīn*

*Al-Ghārimīn* dari segi bahasa adalah kata jamak *ghārim* yang membawa maksud orang yang menanggung hutang (Manzur, 1990). Ia disebut juga *al-luzūm* yang bererti seseorang yang dibebankan dengan hutang. Dari segi istilah, *al-ghārimīn* membawa maksud mereka yang tetap padanya sesuatu hutang atau mempunyai pembiutang pada dirinya secara tetap atau kekal (MAIM, 2025).

Perkataan *al-ghārimīn* disebut secara langsung dalam Surah al-Taubah ayat 60, iaitu ayat utama yang menyenaraikan lapan golongan yang berhak menerima zakat. Firman Allah S.W.T:

إِنَّمَا الْصَّدَقَةُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَلَمِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْمَنَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرَّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ  
اللَّهِ وَأَئِنَّ السَّبِيلَ فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَأَنَّ اللَّهَ عَلَيْهِ حَكِيمٌ

Maksudnya: Sesungguhnya sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, amil zakat, orang yang dijinakkan hatinya (muallaf), untuk

memerdekan hamba, orang yang berhutang (*al-ghārimīn*), untuk jalan Allah dan untuk musafir (yang terputus bekalan); sebagai satu ketetapan daripada Allah. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana (Al-Taubah, 60)

Ayat ini menjadi asas pensyariatan zakat kepada lapan golongan yang termasuk *al-ghārimīn*. Ia menunjukkan bahawa membantu orang yang dibebani hutang adalah satu bentuk tanggungjawab sosial yang diiktiraf syarak. Dalam konteks ini, *al-ghārimīn* merujuk kepada orang yang berhutang dan tidak mampu melangsaihan hutangnya terutama jika hutang itu adalah untuk memenuhi keperluan asas atau maslahat umum yang dibenarkan syarak.

Manakala hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud, daripada Abi Sa'id Al-Khudri katanya:

قال رسول الله ﷺ : لا تحل الصدقة لغنى إلا لخمسة: لعاملٍ عليها، أو رجلٍ اشتراها بماله، أو غارمٍ،  
أو غازٍ في سبيل الله، أو مسكينٍ ثُصِّدَّقَ عليه منها فأنهى منها لغنىٍ

Maksudnya: Tidak halal (diberikan) sedekah (zakat) kepada orang kaya kecuali dalam lima keadaan: orang yang bekerja mengurus zakat, orang yang membeli (barang zakat) dengan hartanya, orang yang menanggung hutang, orang yang berperang di jalan Allah dan orang miskin yang menerima zakat kemudian menghadiahkan sebahagiannya kepada orang kaya (Riwayat Abu Daud, No.1635, Hadis Sahih)

Hadis ini menetapkan lima pengecualian bagi orang kaya menerima zakat atau sedekah wajib dengan tujuan menjaga hak asnaf zakat yang lain dan memastikan keadilan dalam pengagihan zakat. Golongan seperti *al-ghārim* (orang berhutang) termasuk dalam pengecualian tersebut kerana mereka memerlukan bantuan untuk melangsaihan hutang yang sah dan tidak mampu membayarnya sendiri.

## Pandangan Ulama Klasik

*Al-Ghārimīn* atau *al-ghārim* dari segi istilah didefinisikan berbeza-beza oleh para fuqaha mazhab empat yang masyhur. Fuqaha mazhab Hanafi mendefinisikan *al-ghārimīn* sebagai orang yang berhutang namun tidak berkemampuan untuk melunaskannya disebabkan kekurangan harta (al-Hummam, 1970) .

Menurut mazhab Maliki, *al-ghārim* dibahagikan kepada dua kelompok iaitu berhutang untuk maslahah diri sendiri dan berhutang untuk maslahah orang lain. Menurut mazhab ini, *al-ghārim* merujuk kepada individu yang menanggung hutang tetapi tidak memiliki harta yang mencukupi untuk membayarnya dan diberikan zakat untuk melangsaihan hutangnya dengan syarat dia seorang yang merdeka, muslim dan bukan keturunan Bani Hashim. Menurut mazhab ini juga, seseorang yang telah meninggal dunia dan meninggalkan hutang yang belum diselesaikan, maka hutang ini perlu diselesaikan oleh baitulmal dengan menggunakan wang zakat (al-Dusuqi, 1996).

Bagi mazhab Syafie pula, *al-ghārim* dibahagikan kepada dua golongan. Golongan pertama ialah orang yang berhutang untuk maslahah dirinya sendiri pada perkara yang baik dan bukannya maksiat, kemudian mereka tidak mampu untuk membayarnya balik sama ada dengan menukarinya dengan barang miliknya atau dengan wang. Mereka diberikan zakat agar dapat melunaskan hutangnya di atas faktor ketidakmampuannya. Kategori kedua ialah orang yang berhutang kerana melaksanakan tanggungjawab dan mendamaikan hubungan pada urusan kebaikan. Harta mereka digunakan sebagai jaminan dalam urusan tersebut. Oleh itu, golongan ini diberikan zakat pada kadar yang mencukupi bagi jaminan berbentuk harta seperti mana diberikan kepada individu yang memerlukan daripada asraf *al-ghārimīn* sehingga hal hutang mereka berjaya dilangsakan (al-Syafi'e, 1983).

Mazhab Hanbali mempunyai persamaan definisi dengan mazhab Syafie yang membahagikannya kepada dua kategori namun mempunyai penjelasan dari sudut yang berbeza. Kategori pertama ialah orang yang berhutang untuk kemaslahatan dirinya sendiri pada perkara yang diharuskan sekalipun membebaskan dirinya dari orang kafir. Justeru, dia boleh mengambil zakat sekiranya dia tidak mampu untuk menyelesaikan hutangnya. Kategori kedua ialah orang yang berhutang untuk memperbaiki hubungan manusia sekalipun antara ahli *al-dhimmah* dan dia menanggung beban tanggungjawab (*hamālah*) disebabkan kemaslahatan diri atau harta atau rampasan harta kerana *diyyāt* atau harta untuk menenangkan keadaan daripada fitnah yang timbul antara dua kumpulan. Ini kerana kemaslahatan mereka terletak pada bahu orang yang menanggung tanggungjawab tersebut. Oleh itu, zakat diberikan kepadanya untuk menyelesaikan tanggungjawab tersebut sekalipun seseorang itu kaya (al-Buhuti, 1982).

Berdasarkan pendefinisian yang telah dinyatakan oleh para ulama' daripada empat mazhab iaitu Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali, kajian ini melihat bahawa terdapatnya tafsiran yang sama terhadap asraf *al-ghārimīn* iaitu orang yang berhutang, namun terdapat perbezaan dari sudut skop dan pembahagiannya. Mazhab Hanafi dan Maliki menjadikan tahap kemampuan untuk membayar hutang sebagai kayu ukur kepada definisi asraf ini manakala mazhab Syafie dan Hanbali menjadikan tujuan hutang untuk *maslahah* diri sendiri dan *maslahah* umum sebagai kayu pengukur dalam pentafsiran mereka.

## Pandangan Ulama Kontemporari

Dalam konteks semasa, ulama dan sarjana kontemporari berusaha mengembangkan takrif *al-ghārimīn* selaras dengan realiti sosioekonomi moden. Mereka bersepakat bahawa konsep *al-ghārimīn* tidak hanya terhad kepada individu miskin yang berhutang untuk keperluan asas semata-mata, bahkan boleh melibatkan pelbagai bentuk komitmen hutang yang sah di sisi syarak. Bagi tujuan penyeragaman takrifan asraf *al-ghārimīn* dalam pengurusan agihan zakat, penerbitan Manual Pengurusan Asraf *al-ghārimīn* (MPAG) oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) telah diterbitkan. *Al-ghārimīn* ditakrifkan oleh Dr. Yusuf al-Qardhawi dan Dr. Muhammad al-Zuhaili sebagai individu yang dipertanggungjawab melunaskan hutangnya.

Secara terperincinya, Al-Qardawi (1973) mendefinisikan *al-ghārimīn* sebagai golongan yang mempunyai hutang untuk kemaslahatan dirinya seperti nafkah, membeli pakaian, melaksanakan pernikahan, membina rumah, mengubati orang sakit, membeli perabot rumah,

mengahwinkan anak atau menggantikan barang orang lain yang rosak atas sebab kesalahan lupa atau sepertinya (Azman Ab Rahmani et al., 2022). Di dalam kitab *Fiqh Islam wa Adillatuhu* karangan Dr. Wahbah Zuhayli pula menyatakan bahawa golongan *al-ghārimīn* adalah orang muslim dan fakir yang berhutang untuk kepentingan dirinya sendiri dalam perkara-perkara yang dibolehkan. Ia juga merujuk orang yang mendamaikan pertelaghan atau menanggung kos akibat musibah atau bencana yang menimpa umat Islam boleh termasuk dalam asnaf yang layak menerima zakat (Al-Zuhayli, 2004). al-Khin (1996) mentakrifkannya secara lebih jelas iaitu orang yang dibebani hutang dan tidak mampu melunaskannya. Agihan zakat kepada golongan *al-ghārimīn* bertujuan menyelesaikan hutang yang mendesak dan memenuhi keperluan asas hidup mereka dengan syarat hutang tersebut timbul daripada aktiviti yang dibenarkan syarak (Azman Ab Rahmani et al., 2022). Al-Qahtonī (2010) juga menyatakan bahawa *al-ghārimīn* ialah golongan yang berhutang, tetapi mereka tidak mampu untuk melunaskan hutang mereka.

Pendefinisian *al-ghārimīn* ini juga berbeza mengikut pelbagai jenis negara. Bagi Malaysia, Lembaga Zakat Selangor (LZS) mendefiniskan *al-ghārimīn* sebagai orang Islam yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas diri dan tanggungannya atau kepentingan masyarakat dan tiada keupayaan untuk membayarnya (Mohd Faisol Ibrahim & Mohd Nasir Ali, 2019). Manakala Indonesia, Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAZ) membawa definisi yang seiring dengan LZS namun meletakkan *al-ghārimīn* dalam kategori fakir dan miskin (Zanatul Shima Aminuddin et al., 2020). Di Brunei, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) mendefinisikan orang yang berhutang sebagai individu yang menanggung hutang disebabkan projek pembinaan kemudahan awam seperti masjid dan sekolah. Walau bagaimanapun, pada tahun 2009, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei Darussalam telah membangkitkan isu semakan semula takrifan tersebut dengan menegaskan keperluan memperluas skop *al-ghārimīn* agar merangkumi individu yang berhutang bagi memenuhi keperluan asas seperti pembelian rumah kerajaan, selaras dengan keperluan semasa masyarakat (Rose Abdullah & Abdurrahman Raden Aji Haqqi, 2017).

Definisi *al-ghārimīn* telah dikaji secara mendalam oleh para ulama klasik dan kontemporari. Dapat disimpulkan bahawa golongan *al-ghārimīn* yang berhak mendapat zakat berserta syarat-syarat yang ditetapkan terbahagi kepada empat kategori utama:

- a. Individu yang berhutang untuk keperluan asasi diri dan keluarga dengan syarat tidak mampu melunaskan hutang sepenuhnya, hutang bukan untuk maksiat, dan telah sampai tempoh pembayaran.
- b. Orang yang berhutang untuk kebajikan umum, termasuk pendamai konflik komuniti dan penyumbang projek infrastruktur awam yang memberi manfaat kepada masyarakat.
- c. Penjamin hutang yang menanggung beban kewangan, dengan kelayakan bergantung pada keadaan kewangan penjamin dan orang yang dijamin.
- d. Mangsa bencana yang terpaksa berhutang untuk memulihkan kehidupan, mencerminkan keprihatinan Islam terhadap kesejahteraan ummah (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2016, 2022).


Pemahaman menyeluruh berkaitan asnaf ini penting untuk memastikan pengagihan zakat yang efisien dan memperkasa institusi zakat sebagai mekanisme keadilan sosio-ekonomi dalam masyarakat Islam semasa.

## Bentuk Hutang dan Kelayakan Asnaf *Al-Ghārimīn*

Hutang merupakan suatu keperluan yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan masyarakat masa kini. Di Malaysia, fenomena berhutang bukan lagi sesuatu yang luar biasa, bahkan menjadi keperluan dalam kalangan masyarakat daripada pelbagai lapisan. Hal ini berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor seperti peningkatan kos sara hidup, tekanan ekonomi, keperluan terhadap pendidikan, perbelanjaan kesihatan, serta desakan gaya hidup moden yang semakin mencabar. Peningkatan harga barang keperluan asas, kenaikan harga rumah yang tidak selari dengan pendapatan, dan ketidakstabilan pekerjaan telah menyumbang kepada keadaan di mana ramai individu terpaksa berhutang untuk memenuhi keperluan asas mereka (Azman Ab Rahmani et al., 2022).

Selain itu, kos pengajian tinggi yang semakin meningkat turut mendorong ramai pelajar untuk mendapatkan pembiayaan melalui Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Walau bagaimanapun, pinjaman ini sering menjadi beban kewangan kepada graduan selepas tamat pengajian. Sebahagian besar graduan masih belum memperoleh pekerjaan tetap dan tidak mempunyai sumber pendapatan yang stabil, berpunca daripada kesukaran kewangan yang dihadapi selepas menamatkan pengajian (Hasan Bahrom & Muhammad Hakimi Tew Abdullah 2014). Walaupun hutang boleh menjadi alat kewangan yang berguna, seperti memudahkan akses kepada pendidikan dan pemilikan aset, namun ia juga berpotensi menimbulkan masalah kewangan yang serius sekiranya tidak diuruskan dengan berhemah (Mohd Faisol Ibrahima & Muhammad Sahrim 2019).

Menurut Muhammad Ikhlas Rosele et al. (2021) hutang boleh dibahagikan kepada empat kategori utama:



Rajah 1: Pembahagian Kategori Hutang.

Sumber: Muhammad Ikhlas Rosele et al. (2021).

Rajah 1 menggambarkan empat kategori utama hutang yang boleh dijadikan asas dalam menilai kelayakan penerima bantuan zakat, iaitu berdasarkan jenis pembiayaan, status pengguguran hutang, status jaminan, dan tempoh masa penyelesaian. Pembahagian ini

membolehkan analisis yang lebih terperinci dan menyeluruh terhadap bentuk hutang yang dihadapi oleh individu atau isi rumah.

Para fuqaha seperti Imam Malik, al-Syafie dan Ahmad membahagikan penghutang kepada dua golongan:

- (i) orang yang berhutang untuk kemaslahatan dirinya seperti nafkah, membeli pakaian, mendirikan rumah dan sebagainya, dan;
- (ii) orang yang berhutang untuk kemaslahatan masyarakat seperti mendamaikan dua pihak yang bersengketa.

Pembahagian ini menunjukkan bahawa konsep *al-ghārimīn* dalam Islam bukan sekadar bersifat peribadi, malah merangkumi aspek sosial yang lebih luas (Mohd Faisol Ibrahima & Muhammad Sahrim 2019). Seterusnya, hutang yang berkait dengan keperluan asas seperti perkahwinan, rawatan, makanan dan tempat tinggal wajar dibantu melalui dana zakat, selagi tidak berlaku pembaziran dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak. (Khairul Anuar Zulkifli 2019) turut menyatakan bahawa mangsa bencana seperti banjir atau kebakaran juga termasuk dalam golongan yang layak menerima zakat di bawah kategori asnaf *al-ghārimīn*.

Definisi *al-ghārimīn* telah dikaji secara mendalam oleh para ulama klasik dan kontemporari. Dapat disimpulkan bahawa golongan *al-ghārimīn* yang berhak mendapat zakat berserta syarat-syarat yang ditetapkan terbahagi kepada empat kategori utama:

- a. Peniaga yang terjejas sumber pendapatan; mereka yang mengalami kerugian atau kehilangan pendapatan akibat pandemik sehingga tidak mampu melunaskan komitmen kewangan sedia ada
- b. Golongan yang perlu melunaskan hutang dengan segera; individu yang berdepan dengan tekanan untuk membayar hutang dalam masa terdekat sama ada untuk mengelakkan tindakan undang-undang atau menanggung kesan buruk terhadap kehidupan sehari-hari.

Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas serta definisi zakat bagi golongan berhutang, kajian ini menyimpulkan bahawa golongan yang layak menerima zakat ialah seperti berikut:

1. Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asasi.

Keperluan asas merupakan elemen penting dalam kehidupan manusia yang tidak boleh diabaikan, seperti makanan, perlindungan, kesihatan dan pendidikan. Namun begitu, bagi sebahagian masyarakat yang kurang berkemampuan, memenuhi keperluan ini sering menjadi satu cabaran besar. Sehubungan itu, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah menggariskan beberapa jenis hutang yang membolehkan seseorang individu dipertimbangkan sebagai penerima zakat di bawah kategori asnaf *al-ghārimīn*. Hutang tersebut mestilah digunakan untuk membiayai keperluan asas seperti makanan, perubatan, pendidikan, perlindungan, pakaian dan pengangkutan (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2016). Garis panduan

seperti yang ditetapkan oleh MAIWP menunjukkan bahawa keprihatinan institusi zakat dalam memastikan bantuan disalurkan kepada mereka yang benar-benar memerlukan. Dengan menetapkan kriteria yang jelas terhadap jenis hutang yang dibenarkan, ia bukan sahaja mengelakkan penyalahgunaan dana zakat, malah memastikan agihan tersebut selari dengan prinsip keadilan dan keutamaan dalam Islam.

2. Golongan yang berhutang demi mendamaikan hubungan dua pihak.

Mazhab Syafie menjelaskan individu yang berhutang kerana melaksanakan tanggungjawab sosial, mendamaikan pertelingkahan atau terlibat dalam perkara kebaikan, dan memiliki harta yang dijadikan jaminan atas tanggungan tersebut, juga termasuk dalam kategori yang layak menerima zakat. Dalam keadaan di mana penjualan harta tersebut boleh mendatangkan kemudaran kepada kehidupan mereka, dan sekiranya tidak dijual mereka berada dalam keadaan fakir, maka mereka termasuk dalam asnaf *al-ghārimīn* (Muhammad Afiq Pahruddin 2022). Golongan ini berhak menerima zakat pada kadar yang mencukupi bagi menampung jaminan harta tersebut, sebagaimana keperluan asnaf yang lain, sehingga mereka mampu melunaskan hutang yang ditanggung. Pendekatan ini mencerminkan keadilan dan sifat rahmah dalam sistem agihan zakat yang bertujuan memelihara maruah dan kelangsungan hidup individu yang terbeban dengan tanggungan demi kebaikan bersama.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Hasan Bahrom & Muhammad Hakimi Tew Abdullah (2014), tidak semua individu yang berhutang layak menerima bantuan zakat untuk menyelesaikan masalah kewangan mereka. Hal ini menunjukkan bahawa kategori asnaf *al-ghārimīn* memerlukan penilaian yang lebih teliti dan bersandarkan kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak. Terdapat beberapa syarat yang perlu dipenuhi oleh seseorang penghutang bagi melayakkan mereka menerima zakat di bawah katogeri *al-ghārimīn*. Antara syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

- a. Beragama Islam,
- b. hutang untuk keperluan peribadi,
- c. bukan untuk maksiat seperti judi, arak dan membazir,
- d. pendapatan tidak mencukupi,
- e. bukan keturunan bani Hasyim,
- f. tempoh membayar hutang telah tamat,
- g. keadaan orang yang memberi hutang dalam keadaan sakit atau amat memerlukan,
- h. bukan tanggungan seperti isteri, anak dan keturunan.

Kesimpulannya, penerima zakat di bawah kategori asnaf *al-ghārimīn* mestilah individu yang berhutang atas keperluan yang dibenarkan syarak dan tidak mampu melunaskannya. Keutamaan perlu diberikan kepada mereka yang benar-benar terkesan seperti kehilangan pendapatan atau berdepan tindakan undang-undang. Penilaian terhadap bentuk hutang dan kemampuan penghutang hendaklah dilakukan secara menyeluruh agar agihan zakat benar-benar menepati golongan yang paling memerlukan, selaras dengan matlamat utama pensyariatan zakat.

## Analisis Tafsiran Asnaf *al-Ghārimīn* di Malaysia

Tafsiran terhadap kategori asnaf *al-ghārimīn* di Malaysia ditentukan oleh setiap institusi zakat di setiap negeri. Walau bagaimanapun, tafsiran ini tidak seragam. Ini kerana setiap negeri mempunyai definisi tersendiri dalam penetapan kriteria asnaf *al-ghārimīn*. Ini dapat dirujuk secara terperinci dalam Jadual 1 di bawah.

Bil.	Negeri	Tafsiran Asnaf <i>al-Ghārimīn</i>
1.	Kedah	Individu yang berhutang bagi tujuan yang dibenarkan syarak dan tidak mampu melunaskannya. Termasuk juga individu yang berhutang demi kepentingan umum umat Islam, seperti memelihara perpaduan, walaupun mereka berkemampuan membayarnya sendiri.
2.	Pulau Pinang	Individu atau institusi yang berhutang atau mengalami kesusahan kewangan yang sah di sisi syarak, termasuk kos rawatan kronik, pendidikan, pengurusan jenazah, serta bantuan kepada institusi khas seperti anak yatim, orang kurang upaya dan pondok pengajian.
3.	Perak	Individu yang berhutang dalam urusan keperluan syarie seperti yuran pendaftaran IPT, tambang perjalanan penting, atau bayaran balik pinjaman kepada kerajaan. Pemohon mesti mengemukakan bukti hutang serta menunjukkan usaha menyelesaikannya. Hutang bagi tujuan tidak syarie atau bermewah tidak layak menerima zakat.
4.	Selangor	Individu yang berhutang kerana keperluan hidup, rawatan perubatan seperti dialisis, pengurusan jenazah tanpa waris, atau hutang persatuan yang timbul akibat usaha menyelesaikan permasalahan ummah.
5.	Wilayah Persekutuan	Individu yang menanggung hutang bagi tujuan yang tidak melibatkan maksiat dan tidak berkemampuan untuk melunaskannya.
6.	Negeri Sembilan	Individu yang berhutang bagi memenuhi keperluan asas demi kemaslahatan diri, keluarga, tanggungan atau masyarakat Islam, yang perlu diselesaikan segera dan dibenarkan oleh syarak.
7.	Melaka	Individu yang menanggung hutang yang dibenarkan oleh syarak, termasuk bagi tujuan kemaslahatan umum, tetapi tidak berkemampuan untuk melunaskannya.
8.	Johor	Individu yang berhutang bagi memenuhi keperluan asas diri, keluarga, tanggungan atau masyarakat, yang memerlukan penyelesaian segera dan selaras dengan hukum syarak.
9.	Pahang	Individu yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas diri, keluarga, tanggungan atau masyarakat, yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh syarak.
10.	Terengganu	Individu yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga, tanggungan atau masyarakat Islam, yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak.

11.	Kelantan	Individu yang berhutang untuk faedah awam seperti menyelesaikan persengketaan, serta individu yang berhutang untuk tujuan peribadi dengan syarat mereka tidak memiliki harta yang mencukupi mengikut had kifayah.
12.	Sabah	Individu yang berhutang bagi tujuan bukan maksiat seperti bantuan perubatan dan rawatan, pengurusan jenazah, baik pulih surau dan masjid, bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat, pertubuhan bukan kerajaan, serta tajaan program berbentuk Islamik.
13.	Sarawak	Individu yang terpaksa berhutang akibat keperluan mendesak yang tidak berlebih-lebihan, demi kepentingan diri atau masyarakat Islam, dan bukan disebabkan oleh dorongan maksiat atau hawa nafsu.
14.	Perlis	Individu yang berhutang bagi memenuhi keperluan asas demi kemaslahatan diri, keluarga, tanggungan atau masyarakat Islam, yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak.

Jadual 1: Tafsiran Asnaf *al-Ghārimīn* Mengikut Negeri di Malaysia.

Sumber: Laman Web Rasmi Pusat Zakat Negeri-negeri.

Tafsiran asnaf *al-ghārimīn* di Malaysia ditentukan oleh institusi zakat setiap negeri, dan tafsiran ini berbeza antara satu negeri dengan yang lain. Merujuk kepada definisi yang digariskan oleh institusi zakat negeri seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1, individu yang menanggung tunggakan hutang boleh tergolong dalam kategori asnaf *al-ghārimīn*. Namun perlu diberi perhatian, tidak semua individu yang berhutang secara automatik termasuk dalam kategori ini. Berdasarkan takrifan institusi zakat negeri dalam Jadual 1 di atas, kajian ini mendapati bahawa terdapat enam syarat utama yang perlu dipenuhi untuk melayakkan seseorang mendapat bantuan sebagai *al-ghārimīn*, iaitu:

1. Tidak memiliki harta atau sumber kewangan yang melebihi keperluan asasi

Individu yang berhutang mestilah tidak memiliki harta yang mencukupi mengikut had kifayah. Had kifayah merujuk kepada paras minimum kecukupan bagi keperluan asas seseorang dan tanggungannya, berdasarkan kos sara hidup semasa. Antara aspek keperluan asas yang diambil kira dalam pengiraan had kifayah termasuklah perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pendidikan dan pengangkutan (Lembaga Zakat Selangor, 2025).

2. Tujuan hutang yang dibenarkan syarak

Tujuan berhutang yang dibenarkan menurut syarak mestilah berlandaskan perkara yang harus atau bertujuan untuk melaksanakan ketaatan kepada Allah SWT. Menurut al-Qaradawi (2002), hutang yang diambil bagi tujuan maksiat tidak tergolong dalam kategori *al-ghārimīn* dan tidak layak menerima bantuan zakat. Sebagai contoh, individu yang berhutang untuk berjudi atau membeli nombor ramalan (nombor ekor) tidak berkelayakan untuk menerima zakat bagi

melangsaikan hutang tersebut. Hal ini juga terpakai kepada hutang yang berpunca daripada perbelanjaan secara berlebih-lebihan, pembaziran atau gaya hidup bermewah-mewah. Ini selaras dengan larangan Allah SWT terhadap perbuatan melampaui batas dalam perbelanjaan, sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-A'raf, ayat 31:

يَبْنَىَ عَالَمٌ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُّوا وَأَشْرِبُوا وَلَا تُشْرِفُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

Maksudnya: Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang) dan makanlah serta minumlah dan jangan pula kamu melampaui; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas (Al-A'raf, 31)

Dalam konteks kemuflisan, tujuan hutang yang menyebabkan seseorang individu diisyiharkan muflis perlu dikenal pasti terlebih dahulu. Seorang muflis yang beragama Islam boleh dipertimbangkan sebagai layak menerima bantuan zakat di bawah kategori asnaf *al-ghārimīn* sekiranya hutang yang ditanggungnya berpunca daripada perkara yang dibenarkan oleh syarak, iaitu urusan yang halal, harus atau bersifat syar'i. Sehubungan itu, institusi zakat di Malaysia telah menyenaraikan beberapa tujuan hutang yang diterima sebagai menepati syarat asnaf *al-ghārimīn*, terutamanya apabila hutang tersebut berkait rapat dengan kemaslahatan diri individu berkenaan. Antara tujuan-tujuan tersebut termasuklah:

- i. Memenuhi keperluan perkara asasi atau darurat bagi diri, keluarga, tanggungan.
- a. Pendidikan - kos pengajian universiti, yuran STAM, STPM.
- b. Bayaran balik pinjaman pendidikan berjadual kepada kerajaan negeri.
- ii. Kos rawatan penyakit kritikal - rawatan penyakit kronik, dialisis darah.

Tujuan berhutang bagi asnaf *al-ghārimīn* yang berhutang untuk kepentingan orang lain menurut Lembaga zakat negeri di Malaysia adalah seperti berikut:

- i. Memenuhi keperluan perkara asasi atau darurat bagi masyarakat.
- ii. Baik pulih pondok pengajian dan sumbangan kepada institusi khas (sekolah terencat akal/ anak yatim/ buta/ pekak).
- iii. Bantuan baik pulih surau dan masjid, bantuan kepada sekolah agama rakyat, pertubuhan bukan kerajaan dan tajaan program islamik.
- iv. Hutang persatuan kerana permasalahan ummah.
- v. Berhutang untuk faedah awam seperti menghapuskan persengketaan dua pihak.
- vi. Pengurusan jenazah tanpa waris.

Individu yang berhutang bagi menyelesaikan keperluan asas seperti kos rawatan kesihatan, pendidikan di peringkat rendah dan menengah, makanan, tempat perlindungan sementara, serta hutang yang bertujuan meninggikan martabat agama, layak menerima bantuan zakat di bawah kategori asnaf *al-ghārimīn*. Bantuan ini diberikan tanpa mengambil kira jumlah hutang yang ditanggung. Oleh itu, peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

(PTPTN) yang tidak mempunyai sumber kewangan untuk melunaskan pinjaman pelajaran berkemungkinan termasuk dalam kategori ini (Ammar Badruddin Romli et al., 2022)

Merujuk kepada takrifan *al-ghārimīn* yang diguna pakai oleh institusi zakat di negeri-negeri di Malaysia, tiada satu pun negeri yang membenarkan pemberian zakat kepada individu yang berhutang bagi tujuan yang tidak menepati kepentingan syarie. Ini termasuk hutang yang digunakan untuk gaya hidup bermewah-mewah atau perbelanjaan tidak berkeperluan, yang jelas tidak melayakkan individu tersebut menerima zakat sebagai asnaf *al-ghārimīn*.

### 3. Tidak berlebih-lebihan dalam memenuhi keperluan diri dan masyarakat

Individu yang berhutang tidak seharusnya berbelanja secara berlebihan. Sebagai contoh, dalam konteks pengurusan jenazah, berhutang untuk tujuan seperti pembelian batu nisan yang mewah atau pembinaan binaan di atas kubur dianggap sebagai perbelanjaan yang membazir dan berlebih-lebihan. Hutang seperti ini tidak tergolong dalam kategori yang dibenarkan untuk menerima bantuan zakat di bawah asnaf *al-ghārimīn*. Tambahan pula, penentuan sama ada sesuatu bentuk hutang itu termasuk dalam kategori ‘berlebih-lebihan’ boleh juga dipengaruhi oleh uruf atau adat setempat, yang berperanan dalam menilai keperluan dan kebiasaan masyarakat dalam sesuatu perbelanjaan.

### 4. Wujud keperluan menyelesaikan hutang dengan segera

Individu yang diisytiharkan muflis lazimnya berada dalam keadaan mendesak untuk melunaskan hutang mereka memandangkan tempoh pembayaran telah tamat dan bayaran tersebut telah tertunggak. Walau bagaimanapun, dalam menilai kelayakan mereka sebagai asnaf *al-ghārimīn*, tujuan asal mereka berhutang perlu dikenal pasti terlebih dahulu. Hal ini penting bagi menentukan sama ada hutang yang ditanggung termasuk dalam kategori yang dibenarkan oleh syarak, sekaligus menjustifikasi kadar bantuan zakat yang wajar diberikan di bawah asnaf ini.

### 5. Mendatangkan kemudarat terhadap diri dan keluarga

Individu yang menanggung beban hutang lazimnya berhadapan dengan tekanan hidup yang serius. Sebagai contoh, mereka yang berhutang melalui saluran pinjaman tidak berlesen seperti ‘ah long’ sering terdedah kepada ancaman fizikal dan psikologi. Kes-kes melibatkan ugutan, kekerasan, malah pembunuhan yang dikaitkan dengan aktiviti peminjaman daripada ‘ah long’ telah dilaporkan, menunjukkan tahap risiko yang tinggi terhadap keselamatan dan kesejahteraan peminjam. Justeru, isu ini perlu diberikan perhatian sewajarnya, khususnya dalam konteks mempertimbangkan bantuan zakat kepada individu yang terjerat dalam hutang sedemikian demi kelangsungan hidup mereka. (Sani Adamu Muhammad & Ram Al-Jaffri Saad 2015).

## 6. Orang yang berhutang telah berusaha untuk membayar hutangnya

Individu yang berhutang seharusnya membuktikan bahawa mereka telah berusaha dan berikhtiar sedaya upaya untuk melunaskan hutang tersebut sebelum mengemukakan permohonan bantuan zakat. Elemen usaha ini penting sebagai indikator tanggungjawab dan kesungguhan individu dalam menangani beban hutang, dan sekaligus menjadi salah satu asas penilaian kelayakan bantuan di bawah kategori asnaf *al-ghārimīn*.

Secara ringkasnya, analisis terhadap definisi asnaf *al-ghārimīn* yang diguna pakai oleh institusi zakat di seluruh negeri mendapat terdapat enam syarat utama yang perlu dipenuhi untuk melayakkan seseorang menerima zakat di bawah kategori ini. Walau bagaimanapun, tidak semua negeri memasukkan kesemua syarat tersebut dalam takrifan masing-masing. Justeru, dicadangkan agar negeri-negeri yang masih menggunakan definisi yang terlalu ringkas melaksanakan pendefinisian semula yang lebih komprehensif, bagi memastikan kesemua syarat berkenaan diambil kira. Takrifan yang lengkap dan menyeluruh akan membantu para amil mengenal pasti golongan asnaf *al-ghārimīn* dengan lebih tepat dan konsisten.

Hasil kajian turut mendapati bahawa tafsiran asnaf *al-ghārimīn* di Malaysia boleh dikategorikan kepada dua bentuk utama. Pertama ialah tafsiran umum iaitu definisi yang tidak menyatakan secara terperinci contoh-contoh hutang atau tujuan berhutang yang membolehkan seseorang tergolong dalam kategori *al-ghārimīn*. Sebanyak sepuluh negeri berada dalam kategori ini, iaitu Wilayah Persekutuan, Melaka, Pahang, Terengganu, Johor, Kelantan, Kedah, Perlis, Negeri Sembilan dan Sarawak.

Manakala, kategori kedua ialah tafsiran khusus yang merangkumi syarat-syarat kelayakan secara jelas serta disertakan dengan contoh dan tujuan berhutang. Hanya empat negeri yang menggunakan pakai tafsiran khusus ini, iaitu Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Sabah. Kesemua negeri ini menyenaraikan contoh-contoh yang hampir seragam mengenai individu yang layak menerima bantuan zakat di bawah kategori asnaf *al-ghārimīn*. Namun begitu, tiada satu pun negeri yang secara eksplisit menyatakan bahawa mangsa bencana seperti banjir termasuk dalam kategori ini. Ini berbeza dengan dapatan Mohd Arip Kasmo et al. (2015) yang menjelaskan bahawa Mufti Wilayah Persekutuan berpandangan mangsa banjir boleh dikategorikan sebagai asnaf *al-ghārimīn*.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, individu yang berhutang dan diisyiharkan muflis berpotensi untuk menerima bantuan zakat bagi menyelesaikan masalah keberhutangan mereka, tertakluk kepada enam syarat yang telah dikenal pasti. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati bahawa tafsiran terhadap asnaf *al-ghārimīn* yang digunakan oleh institusi zakat di Malaysia adalah tidak seragam dan kurang menyeluruh. Ketidakkonsistenan ini mungkin boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan amil untuk mengenal pasti individu yang benar-benar layak menerima bantuan zakat. Selain itu, masyarakat juga kurang jelas mengenai kelayakan sebagai penerima zakat di bawah kategori ini.

Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan agar tafsiran sedia ada ditambah baik dengan mempertimbangkan enam syarat utama yang telah dikenalpasti tersebut, serta memperincikan contoh-contoh yang konkrit berkenaan golongan yang tergolong dalam asnaf *al-ghārimīn*.

Tafsiran yang lebih jelas dan komprehensif ini bukan sahaja akan membantu para amil dalam membuat penilaian yang lebih tepat, malah akan turut membolehkan masyarakat setempat memainkan peranan lebih proaktif dengan menyalurkan maklumat kepada pihak institusi zakat berkenaan individu yang layak menerima bantuan zakat di bawah kategori ini.

Limitasi dapatan kajian tafsiran asnaf *al-ghārimīn* ini hanya bersandarkan kepada analisis kandungan yang diperoleh daripada laman web rasmi setiap institusi zakat di Malaysia. Justeru, kajian ini terhad kepada data sekunder yang tersedia secara dalam talian. Justeru, untuk mendapatkan tafsiran yang lebih komprehensif, teratur dan berpotensi diseragamkan di peringkat kebangsaan, kajian lanjutan disarankan melalui kaedah temu bual mendalam bersama pegawai institusi zakat untuk mengetahui pelaksanaannya secara praktikal. Pendekatan ini berupaya memberikan gambaran yang lebih menyeluruh berkenaan asas-asas penetapan tafsiran semasa serta cadangan penambahbaikan yang relevan dan boleh diterimapakai oleh semua negeri di Malaysia.

## Rujukan

- Abu Dawud, S. ibn al-A. as-Sijistani. (n.d.). *Sunan Abi Dawud* (Kitab al-Zakat, Hadith No. 1635) [Sahih].
- Abdul Muzil Abd Rahim, Muhammad Nazir Alias, & Omar, A. F. (2024). Sorotan literatur penentuan item hadd al-kifayah di malaysia berdasarkan maqasid syariah. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 7(4), 1-13.
- al-Buhuti. (1982). *Kasyaf al-Qina'*. Dar al-Fikr.
- al-Dusuqi. (1996). *Hasyiah al-Dusuqi*. Dar al-Ma'rifah.
- al-Hummam, i. (1970). *Fath al-Qadir*. Maktabah Halabi.
- al-Khin, M. (1996). *al-fiqh al-manhaji*. Dar al-Syamiah.
- Al-Qardawi, Y. (1973). *Fiqh al-Zakah* (Vol. 1). Muassasah al-Risalah.
- al-Syafi'e. (1983). *al-Umm*. Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, W. (2004). *al-Fiqh al-Islāmī wa-adillatuhu : al-shamil li-al-adillat al-shar'iyyat wa-al-ara' al-madhabiyah wa-ahamm al-nazariyyat al-fiqhiyyah wa-tahqiq al-hadith al-Nabawiyah wa-takhrijuhu wa-fahrasat alifbaiyyah lil-mawdu'at wa-ahamm al-masa'il al-fiqhiyyah* (4 ed.). Dar al-Fikr al-Ma'asir.
- Ammar Badruddin Romli , Mohd Noor Daud , & Roslan Che Ab Daud (2022). Amalan konsep wakalah pengurusan zakat di Politeknik Ungku Omar. *BITARA International journal of civilizational studies and human sciences*, 5 (1), 106-116.
- Azman Ab Rahmani, Nur Wahida Lokmanii, Md Yunus Abd Aziziii, Muhammad Firdaus Ab Rahmaniv, & Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidiv. (2022). Perluasan tafsiran asnaf gharimin dalam konteks pandemik di Malaysia. *Al-Qanatir International Journal Of Islamic Studies*, Vol.27(Zakat), 153.
- Hairunnizam Wahid , Sanep Ahmad , & Radiah Abdul Kader (2009). Pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia: Mengapa masyarakat Islam tidak berpuas hati ? *Journal Syariah*, 17(1), 89-112.
- Hasan Bahrom , & Muhammad Hakimi Tew Abdullah (2014). Hutang vs agihan zana zakat al-gharimin. Konferensi antarabangsa Islam Borneo ke-VII, Hotel Promenade Tawau, Sabah.

- Khairul Anuar Zulkifli. (2019). *Agihan zakat kepada asnaf al-Gharimin Di Lembaga Zakat Selangor menurut perspektif fiqh/Khairul Anuar Zulkifli* (Doctoral dissertation, Universiti Malaya). MAIM. (2025). *Siapakah asnaf gharimin.* MAIM. Retrieved 17 Mei from <https://www.maim.gov.my/index.php/ms/asnaf-zakat-program/gharimin>
- Manzur, i. (1990). *Lisan al-'Arab.* Dar Sader, Beirut. <https://books.google.com.my/books?id=2f-EAQAAACAAJ>
- Mohamad Uda Kasim (2004). *Zakat Teori, Kutipan dan Agihan.* Utusan Publications & Distributors SDN BHD.
- Mohd Arip Kasmo , Abur Hamdi Usman , Hamdzun Haron , Abdul Salam Yusuf , Fazilah Idris, Nasruddin Yunos , & Hasanah Abd Khafidz (2015). The Compatibility between the Quran and Modern Science: A Comparative Study among Malaysian *Asian Social Science*, 11(10), 299.
- Mohd Faisol Ibrahim, & Mohd Nasir Ali. (2019). Agihan zakat sebagai alat kewangan sosial Islam bagi membnatu golongan al-gharimin: kajian perbandingan di LZS dan baitulmal MAIWP. International Conference on Mosque, Zakat and Waqf Management, Bangi, Selangor , Malaysia.
- Mohd Faisol Ibrahim, & Muhammad Sahrim (2019). Peranan Agihan Zakat Sebagai Alat Kewangan Sosial Islam Bagi Melangsakan Hutang Golongan Al-Gharimin Di Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 13(Zakat ), 45-53. <https://doi.org/10.51200/ljms.v13i.2532>
- Muaz Omar , Norita Kamaruddin , & Fakhri Sungip (2016). *konsep zakat dan peranannya terhadap masyarakat sejagat* Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference,
- Muhammad Afiq Pahruddin (2022). *Kriteria asnaf gharimin sebagai mustahik zakat menurut fiqh Islam* Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Darussalam ]. Bandar Aceh.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Hj. Abdullah, & Wan Marhaini Wan Ahmad. (2021). *Dimensi baharu Zakat di Malaysia : Zakat hutang lapuk Penilaian dari perspektif hukum Islam.* (Muhammad Ikhlas Rosele , Mohamad Noor Sahidi Johari , & Muhsin Nor Paizin Eds.). Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP).
- Rose Abdullah, & Abdurrahman Raden Aji Haqqi. (2017). Zakah for asnaf al-gharimun in Brunei Darussalam: Concepts and practices. *Al-Iqtishad: Jurnal Ilmu Ekonomi Syariah*, 9(2), 243-258.
- Sani Adamu Muhammad , & Ram Al-Jaffri Saad (2015). *Moderating Effect of Attitude toward Zakat Payment on the Relationship Between Moral Reasoning and Intention to Pay Zakat* 3rd Global Conference on Business and Social Science, Kuala Lumpur Malaysia.
- Zanatul Shima Aminuddin, Dewi Maharah Mohd Walid, Suraya Abd Warif, Wathan, H., Suherman, & AK, M. F. (2020). Enhancement of Zakat Institutions through Zakat Management of Gharimin Asnaf: Case Study in Malaysia and Indonesia. *International Journal Of Technical Vocational And Engineering Technology*, 2(1), 93-103. <https://journal.pktm.com.my/index.php/ijtvet/article/view/31>
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2016). *irsyad hukum ke-131: al-gharimin di dalam asnaf zakat.* Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Retrieved 17 Mei from <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/1234-irsyad-al-fatwa-ke-131-al-gharimin-di-dalam-asnaf-zakat>
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2022). #760: *Al-Gharimin dalam Asnaf Zakat.* Zulkiflibakri.

Retrieved 17 Mei from <https://zulkiflialbakri.com/760-al-gharimin-dalam-asnaf-zakat/>